

# ANALISIS ISU SYARIAH DALAM PERBANKAN DIGITAL : KAJIAN TERHADAP PRODUK PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

***ANALYSIS OF SYARIAH ISSUES IN DIGITAL BANKING: RESEARCH  
IN ISLAMIC BANKING PRODUCT IN MALAYSIA***

Nur Ainina Mohd Fauzi<sup>1\*</sup>  
Che Khadijah Hamid <sup>2</sup>,  
Muhammad Jamil Kamalulai<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Academy Contemporary of Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia (\*E-mail: aininafauzi@uitm.edu.my) (chekhadijah@uitm.edu.my) (jamilkamalulai@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: aininafauzi@uitm.edu.my

## Article history

Received date : 12-5-2025

Revised date : 12-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

## To cite this document:

Mohd Fauzi, N. A., Hamid, C. K., & Kamalulai, M. J. (2025). Analisis isu syariah dalam perbankan digital: Kajian terhadap produk perbankan islam di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 293 - 298.

**Abstrak:** Perbankan digital merupakan istilah yang digunakan bagi mengiktiraf penggunaan teknologi dalam perkhidmatan perbankan dan kewangan. Penggunaan sistem digital ini merangkumi produk, aplikasi, proses, dan model perniagaan kewangan yang telah berubah dari tradisional kepada moden. Namun, timbul persoalan adakah perbankan digital ini memberi impak kepada ekosistem kewangan serta adakah perbankan digital ini selari dengan ketetapan syariah. Selain itu kajian ini juga ingin melihat cabaran yang dihadapi oleh perbankan Islam dalam melaksanakan perbankan digital tersebut. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengkaji kajian yang diterbitkan berkaitan bagaimana sebuah perbankan Islam itu memastikan proses perbankan digital itu memberi kesan kepada kitaran ekonomi serta bertepatan dengan konsep syariah yang digariskan. Artikel ini juga merungkaikan cabaran yang dihadapi oleh perbankan Islam dalam melaksanakan kewangan digital pada masa kini. Oleh itu, artikel ini diharapkan dapat membantu dalam menghuraikan kewangan digital berdasarkan syariah serta menghuraikan cabaran-cabaran kepada perbankan Islam di Malaysia dalam melaksanakan perbankan digital.

**Kata Kunci:** Perbankan Digital, Maqasid Syariah, Kitaran Ekonomi

**Abstract:** Digital banking which is a recognise of technology in banking and financial services. The digital system include products, applications, processes and financial business model which is changed from traditional to modern. However this articles focus in digital banking has impact in the financial ecosystem and to make sure that the operations of digital banking follow the rules in syariah. Besides that, this article research in the challenges faced by Islamic

*banking in implementing digital banking. This article also discusses the challenges for digital banking today in Islamic banking.*

**Keywords:** *Digital Banking, Maqasid Syariah, Cycle of Economics*

## Pendahuluan

Dalam era globalisasi sistem perbankan adalah salah satu sistem yang terpenting dalam memastikan kelestarian sistem perbankan di Malaysia sekaligus memberi impak yang positif dalam perkembangan ekonomi negara. Namun begitu, dunia global kini memerlukan alternatif lain seperti perbankan digital. Hal ini kerana dunia kini lebih kepada dunia internet. Di Malaysia kini, industri perbankan digital Islam semakin berkembang seiring dengan kemajuan teknologi seiring dengan keperluan pengguna yang lebih tertumpu kepada perkhidmatan yang lebih pantas serta cekap. Namun, persoalan yang timbul adalah sejauh mana perbankan digital ini mampu mengekalkan pematuhan syariah dalam perkembangan perbankan digital yang kian pesat.

Antara isunya ialah apabila sesebuah bank digital menggunakan konsep murabahah dalam urusan jual beli. Konsep *tawarruq* dalam produk tersebut dilakukan oleh sistem atau robot yang telah disetkan. Oleh hal yang demikian, dalam proses jual beli itu timbul soal ketulenan serta pematuhan syariah dalam proses jual beli murabahah melalui transaksi *tawarruq*. Tambahan pula, bagi memastikan perbankan digital itu konsisten, bank digital perlu bekerjasama dengan orang ketiga untuk pengiklanan. Oleh hal yang demikian, timbul isu *taawun* dalam perkara yang tidak patuh syariah. Hal ini kerana, sesebuah perbankan tidak boleh memilih produk yang patuh syariah sahaja.

Terdapat banyak kajian yang diketengahkan mengenai perbankan digital. Namun kajian yang telah dilakukan kurang memberi perhatian mengenai isu syariah dalam perbankan digital. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan mengenai isu-isu syariah dalam perbankan digital terutama dalam produk perbankan Islam. Kajian berkaitan isu syariah penting kerana produk dan pengoperasian produk perlulah selari dengan maqasid syariah.

## Konsep Perbankan Digital

Secara umumnya perbankan digital adalah bank digital yang menjalankan keseluruhan perbankan operasi melalui proses alam maya dalam semua perkhidmatan perbankan. Selain itu, terdapat 5 buah bank yang telah disenaraikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai bank digital. Antaranya ialah GXBank Berhad (GXBank), Boost Bank Berhad (BoostBerhad), SeaBank Malaysia, AEON Bank Berhad, KAF Investment Bank Berhad.

Perkembangan perbankan digital membantu dalam perkembangan ekonomi di Malaysia. Perbankan digital memberi perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar dan bandar. Impaknya ia memberi kesan kepada pembangunan ekonomi terutama dari sudut pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan di Malaysia. Tambahan pula, perbankan digital dapat meminimumkan kos serta dapat menyampaikan menyampaikan maklumat dengan cepat dan pantas.

Menurut Bank Negara Malaysia (2020) menyatakan bahawa pelaksanaan perbankan digital dalam infrastruktur kewangan memberi sumbangan kepada ekonomi negara ke arah berpendapatan tinggi. Penubuhan bank digital Malaysia memudahkan inovasi dalam aplikasi teknologi perbankan. Menurut Darryl Proctor (2019) perbankan digital didefinisikan sebagai

pendigitalan (atau bergerak dalam talian) semua aktiviti dan perkhidmatan perbankan yang dilakukan secara tradisional oleh pelanggan bank di cawangan bank secara fizikal. Aktiviti dan perkhidmatan tersebut termasuklah deposit wang, pengeluaran dan pemindahan, memeriksa/menyimpan dalam akaun, memohon produk kewangan lain, pengurusan pinjaman, pembayaran pinjaman dan pembukaan akaun bank. Menurut Junaedi et all (2023) menyatakan bahawa antara kelebihan perbankan digital meliputi kemudahan akses, fleksibiliti waktu, pengurusan dan efisyen. Namun, ada juga tantangan terkait dengan keamanan data dan privasi, serta pemahaman pengguna terhadap teknologi.

## Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian, yang telah dinyatakan. Kajian ini menetapkan :

- 1) Mengenalpasti isu syariah dalam perbankan digital
- 2) Menganalisis cabaran perbankan dalam melaksanakan perbankan digital

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah Kualitatif. Penulis menggunakan kaedah perpustakaan dalam menjalankan kajian. Dokumen-dokumen yang dianalisis menghuraikan prosedur-prosedur untuk mendapatkan lesen dari Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai perbankan digital di Malaysia. Hal ini kerana, terdapat proses dan prosedur dalam mendapatkan lesen tersebut. Artikel-artikel yang berkaitan juga dikaji untuk mendapatkan cabaran perbankan digital untuk dilaksanakan pada masa sekarang.

## Kajian Lepas

### Isu Syariah

Menurut Mohd Salimin (2024) mendapati bahawa prestasi bank digital seluruh dunia adalah mencabar dari segi operasi dan pelaksanaan. Antara cabaran dalam melaksanakan perbankan digital ialah dari segi kekurangan pekerja yang berkemahiran dalam pengoperasian. Selain itu juga, bagi memastikan pengoperasian perbankan digital mengikut kepada landasan syariah adalah kesukaran dalam melaksanakan perbankan digital. Hal ini kerana, pematuhan syariah itu perlu bermula dari awal seperti kontrak, isu etika berkaitan data serta ketelusan dalam pengoperasian. Produk dan perkhidmatan yang inovatif akan ditawarkan oleh perbankan digital Islam dan ia perlu bertepatan dengan syariah.

Mengikut Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018, terdapat beberapa faktor yang menjadikan isu syariah itu perlu dititiberatkan. Antaranya ialah kurangnya kecekapan dan pengetahuan atas latihan dalam bidang berkaitan syariah dalam kewangan Islam. Jika hal ini berterusan ia akan memberi risiko kepada kepatuhan syariah itu berterusan berlaku.

Selain itu, risiko lain yang akan berlaku adalah risiko perbezaan fatwa terhadap kontrak produk perbankan Islam. Antara kontrak syariah yang terlibat ialah *tawarruq* dan *murabahah*. Selain itu juga, risiko perbezaan fatwa juga adalah salah satu isu syariah. Justeru, dalam kaedah fiqh ada menyebut *al-darar yuzāl* iaitu kemudaratannya harus dihilangkan

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Hafizudin dan Mat Noor (2024), dalam kontrak *tawarruq*, digitalisasi membolehkan pelaksanaan yang lebih pantas dan telus, serta mengurangkan kos operasi. Kini, *tawarruq* semakin berkembang sehingga pengamalannya

melalui blok rantai (blockchain). Perkembangan ke arah mendigitalisasikan *tawarruq* di perbankan Islam menimbulkan isu syariah yang harus diteliti bagi memastikan pematuhan syariah. Digitalisasi terhadap akad *tawarruq* di perbankan Islam ini turut memberi impak kepada pihak-pihak yang berkontrak.

Tambahan pula, risiko syariah dalam kontrak pintar terbahagi kepada dua iaitu risiko syariah umum dan risiko syariah khusus. Tambahan pula, risiko umum itu melibatkan kontrak syariah seperti *tawarruq* dan *murabahah*. Manakala risiko syariah khusus pula melibatkan operasi teknologi. Berdasarkan risiko tersebut, penambahbaikan bagi mengurangkan risiko yang ada dalam perbankan digital Islam ini wajar dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Hal ini demikian supaya tidak timbul sebarang masalah dan keraguan baik dari sudut pengguna maupun dari sudut perkhidmatan itu sendiri.

### Cabar dalam pelaksanaan Perbankan Digital

Antara risiko yang akan berlaku ialah jenayah siber. Menurut Ab Hamid et al., (2021) menyatakan bahawa antara risiko jenayah siber dalam menggunakan perbankan digital ini ialah berlakunya penipuan atau pemalsuan maklumat dan kemungkinan memanipulasi maklumat untuk disimpan di dalam digital pangkalan data/dana elektronik. Menurut Global technology specialist (GBG) iaitu pakar dalam penipuan, pengesahan identiti dan risikan data lokasi berkata lebih daripada 50% institusi kewangan di Malaysia melihat pengesahan identiti (58%) dan pencegahan penipuan siber (50%) sebagai cabaran utama dalam memacu pertumbuhan transaksi digital. Jenayah siber ini boleh berlaku sama ada dalam konvensional ataupun Islam.

Selain itu, kajian juga mendapati platform perbankan digital memudahkan urusan. Namun ia juga memberi kesan dalam aktiviti komunikasi dan interaksi secara langsung dengan manusia lain. Oleh hal yang demikian, ia memberi kesan terhadap pemahaman perbankan digital sepenuhnya. Kefahaman terhadap proses ini sangat penting bagi memastikan pengoperasian dilakukan berdasarkan ketetapan syariah.

Tambahan pula, bagi memastikan pengurusan risiko syariah pengurusan yang mantap dan efektif bagi melancarkan sesuatu operasi. Maka pengurusan risiko syariah dalam perbankan digital Islam amat penting bagi memastikan setiap operasinya selari dengan kehendak syariah. Pengurusan risiko syariah disebut sebagai suatu fungsi yang sistematik bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko ketidakpatuhan syariah dalam operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti institusi kewangan Islam (BNM, 2019).

## Kriteria dalam permohonan Perbankan Digital

### Assessment criteria

#### Factors for consideration in assessing licence applications

1. Character and integrity of the applicant
2. The business to be authorised is not detrimental to its future depositors, or the public generally
3. Soundness and feasibility of the plans
4. Nature and sufficiency of the financial resources
5. Business record and experience
6. To be operated responsibly by persons with competence and experience
7. Application will be in the best interest of Malaysia
  - a) Impact to economic activity in Malaysia
  - b) Contribution to trade and investment linkages between Malaysia and other countries
  - c) Effect on financial stability
  - d) Participation of Malaysians in the financial sector
8. Nature, scale and activity of corporate group will not impede effective regulation and supervision
9. (IFSA) Business will not involve any element contrary to Shariah and possesses a robust Shariah governance framework

#### Overview of Assessment Criteria



##### Prudential

Soundness and feasibility of business plan, Sufficiency of financial resources, Business track record and experience, Supervisability of group, Character and integrity of shareholders, Business plan is not contrary to Shariah (IFSA only), Robustness of exit plan.



##### Technology

Robustness of underlying technology in supporting digital strategy, Technology and cyber risk management capabilities, Competency and track record of successful digital business, Cloud strategy and cloud risk management plans, Business continuity plans.



##### Financial Inclusion

Relevance of identified unserved and underserved (U/US) target segments, Ability to serve the needs of U/US, Experience and commitment in provision of financial services for financial inclusion objectives, Adoption of innovative technology/data, Effectiveness of delivery channels



##### Best Interest of Malaysia

Effect on stability of financial system, Effect of the investment on the level and nature of economic activity in Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia

### Kesimpulan

Kesimpulannya, perbankan digital ini satu pendekatan yang baik dalam perbankan. Hal ini kerana dalam era globalisasi kini, Masyarakat lebih tertarik dengan perkhidmatan yang menggunakan internet sahaja kerana ia menjimatkan kos dan masa. Namun dalam pelaksanaan perbankan digital, banyak perkara yang perlu diambil berat terutamanya dalam pengoperasian produk perbankan Islam. Ini kerana, kita perlu memastikan segala pengoperasian perbankan digital tersebut, selaras dengan garis panduan syariah. Tambahan pula, pelbagai cabaran dan risiko lain dalam pelaksanaan perbankan digital.

Tambahan pula, platform digital adalah penting bagi memudahkan integrasi perbankan, teknologi kewangan dan pihak ketiga yang mempunyai keupayaan untuk mengubah paradigma kewangan untuk bank digital Islam dengan membawa pelanggan ke tengah-tengah amalan perniagaan. Di samping itu, model ini juga akan membolehkan bank digital Islam membina kesetiaan dan pengekalan pelanggan yang lebih besar, dengan itu mempertingkatkan pengalaman pelanggan dan kecekapan operasi. Ia juga mampu menyediakan perkhidmatan perbankan dan bukan perbankan sambil memanfaatkan kerangka yang berdasarkan perkhidmatan mikro (Salim, 2022).

## References

- Ab Aziz, M.R., Izat Mustafar, M.Z. 2021, Perbankan Digital Islam Berasaskan Maqasid Al-Shariah: Kajian Literatur, International Journal of Islamic Studies, Vol 23 (2), 1-11
- Ab Hamid, N. 'Adha, Ismail, A. Y., & Raja Abdul Aziz, T. N. 2021. Regulatory Framework And Legal Challenges In Digitalization Of Islamic Finance. International Journal of Law, Government and Communication, <https://doi.org/10.35631/ijlgc.624004> 6(24), 59–75.
- Abd Rahman, M.H., Mat Zain.,M.N (2024), Impak Digitalisasi Terhadap Kesahihan Akad Tawarruq di Perbankan Islam, BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences, Vol 7 (3), 214-229
- Ahmad Jailani, M.N., Adenan, F. 2024. Pengurusan Risiko Syariah Dalam Perbankan Digital Islam Di Malaysia: Kajian Di Kaf Investment Bank, International Journal of Islamic Studies, Vol 30(2), 188-197
- Alex Fahrur Riza. 2019. Customer Acceptance Of Digital Banking In Islamic Bank: Study On Millennial Generation. Conference of Islamic Management Accounting & Economic , 66-74.
- Anis Shakirah M. M. 2020. Digital Banks Are On the Rise In Malaysia – What Does This Mean for You? Experts Weigh In. Didapatkan dari comparehero.com: <https://www.comparehero.my/banking-finance/articles/digital-bank-malaysia>
- Daryl Proctor. 2019. What is Digital Banking? Didapatkan dari Temenos: <https://www.temenos.com/news/2019/12/19/what-is-digital-banking/>
- Faizal Jaafar, O., Hairi, M., Tahir, M., Nurlida, D., & Ismail, J. 2018. Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran
- Junaedi,A.T., Renaldo N, Yovita, I., Veronica, L. 2023. Opportunities And Challenges Of Islamic Banks In The Digital Banking Era In The Perspective Of Generation Z, Jurnal Akuntasi Kewirausahaan dan Bisnis, Vol 8 (2),116-125
- Mohd Salimin, M.A., Ellias, A.R., Redzuan, N.H., Kassim. S. 2024. The Future Of Islamic Digital Banking in Promoting Financial Inclusion In Malaysia, 3rd International Conference on Islamic Economics 2024 (3rd iconie 2024)
- Salim, Kinan. 2022. "Innovation Digital Financing Products for Financial Inclusion: Innovation Ecosystem for Islamic Fintech." in 17th. International Shariah Scholars Forum. Putrajaya: International Shari'